



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : UNDANG-UNDANG HARTA  
TANAH I

KOD MATA PELAJARAN : BPE 1263

KURSUS : 1 BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL / MEI 2010

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : JAWAH **EMPAT (4)** SOALAN  
SAHAJA DARIPADA ENAM (6)  
SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKASURAT

- S1 Seksyen 16 Akta Kontrak 1950 menyatakan bahawa sesuatu kontrak dikatakan telah didorong oleh “pengaruh tak wajar” apabila pertalian antara kedua-dua belah pihak menjadi sedemikian rupa sehingga satu pihak adalah dalam kedudukan boleh menguasai pihak yang lain dan menggunakan kedudukan tersebut untuk memperolehi faedah tidak saksama terhadap pihak itu.
- (a) Huraikan maksud pernyataan di atas. (10 markah)
- (b) Terangkan kesan akibat daripada “pengaruh tak wajar” berdasarkan kepada keputusan kes-kes mahkamah dan seksyen-seksyen yang relevan. (15 markah)
- S2 Mak Bedah Traditional Sdn. Bhd. telah membuat satu iklan di akhbar tempatan, menawarkan hadiah sebanyak RM2,000 kepada sesiapa sahaja yang masih menghidap penyakit resdung selepas menggunakan ubat tradisional tersebut. Wang tersebut akan dibayar dengan syarat, si pembeli telah menggunakan ubat tradisional itu bertujuan untuk menyembuhkan penyakit resdung, dan menggunakan ubat itu menurut arahan penggunaan. Untuk menunjukkan kesungguhan, syarikat tersebut telah menandatangani wang sebanyak RM10,000 ke dalam akaun syarikat di Maybank, Parit Raja, Batu Pahat.
- Puan Mariam telah membaca iklan tersebut. Beliau telah menggunakan ubat tradisional tersebut selama enam bulan, mengikut arahan penggunaan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun penyakit resdung beliau menjadi lebih kronik.
- Berdasarkan kepada keputusan kes-kes mahkamah dan seksyen-seksyen yang relevan, nasihatkan Puan Mariam akan haknya. (25 markah)
- S3 Tanggungan vikarius (Vicarious Liability) merujuk kepada situasi di mana orang yang tidak melakukan kecuaiian tort, akan dipertanggungjawabkan walaupun kecuaiian tersebut dilakukan oleh orang lain. Ini adalah kerana wujudnya perhubungan khas antara mereka dan kecuaiian tersebut mestilah wujud daripada tindakan pekerjaan dilakukannya (in the course of employment).
- Huraikan situasi yang dimaksudkan dengan “kecuaiian mestilah wujud daripada tindakan pekerjaan yang di lakukan itu” berdasarkan kepada kes-kes mahkamah yang telah diputuskan, (25 markah)

- S4 Berdasarkan kepada maxim *Novus Causa Interveniens*, seseorang defendan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sesuatu kerugian yang wujud akibat daripada kejadian semulajadi yang tidak ada kaitan dengan pelanggaran tanggungjawab berhati-hati defendan. Kejadian tersebut dikatakan sebagai suatu pintasan semulajadi dan kesan sesuatu pintasan kejadian itu dianggap terpencil (*remote*), jika rangkaian sebab-sebab kejadian itu terputus.

Bincangkan jenis-jenis pintasan tersebut berdasarkan kepada kes-kes mahkamah yang telah diputuskan,

(25 markah)

- S5 *Winfield & Jolowicz on Torts* telah mendefinisikan kecuaiian sebagai suatu pelanggaran kewajipan berjaga-jaga yang telah ditetapkan oleh undang-undang di mana pelanggaran tersebut oleh defendan menyebabkan kerugian dan kerosakkan yang tidak diingini oleh plaintif. Dalam sesuatu kes yang melibatkan tanggungjawab berhati-hati, mahkamah akan mempertimbangkan sama ada risiko yang dihadapi adalah terlalu tinggi sehingga memerlukan defendan melakukan lebih daripada apa yang telah dilakukan.

Bincangkan faktor-faktor yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah dalam penentuan tersebut berdasarkan kepada kes-kes mahkamah yang telah diputuskan,.

(25 markah)

- S6 Akta Umur Dewasa 1971 menetapkan 18 tahun sebagai umur dewasa. Sesiapa yang belum mencapai umur dewasa ini masih dianggap remaja atau “kanak-kanak” untuk tujuan keupayaan kontrak. Malah menurut kaedah am, sesuatu kontrak yang dibuat oleh orang yang belum dewasa adalah batal dan tidak sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian kepada kaedah am tersebut, iaitu kontrak yang dibuat oleh kanak-kanak itu sah dan mengikat dirinya.

Huraikan kenyataan di atas berdasarkan kes-kes mahkamah yang telah diputuskan,

(25 markah)